

# INTERNATIONAL CONFERENCE ON SOFTWARE ENGINEERING COMPUTER SYSTEMS 2013



Kuantan, 22 Ogos - Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP) Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan Perisian dan Sistem Komputer (ICSECS) untuk kali ketiga yang berlangsung baru-baru ini di Dewan Astaka UMP ini.

Persidangan bertemakan "Engineering Software Towards Sustainable Quality Systems" yang memfokuskan bidang sistem komputer, rangkaian dan kejuruteraan perisian ini dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff.

Semasa menyampaikan ucapan, beliau berkata, perkembangan teknologi yang bermula pada era 80-an telah memacu pembangunan Sistem Komputer, Kejuruteraan Perisian dan Teknologi Maklumat. Malah, dunia kelihatan semakin kecil dengan kemunculan teknologi internet yang memudahkan urusan kehidupan seharian dan pekerjaan dengan adanya pelbagai perkhidmatan atas talian.

"Aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang-bidang ini tidak seharusnya hanya menumpukan penyelidikan dan pembangunan sistem dan teknik, malah ianya juga perlu menekankan tentang aspek kelestarian sistem dan teknik tersebut," katanya semasa merasmikan program. Hadir sama dalam majlis, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz.

